

**TITAH PERUTUSAN DARIPADA
DULI YANG MAHA MULIA TENGGU PERMAISURI SELANGOR**

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Selamat sejahtera

Alhamdulillah, saya bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan rahmat dan hidayah-Nya buku Songket Diraja Selangor ini telah dapat diterbitkan. Saya ingin menzahirkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Universiti Teknologi MARA (UiTM), dan khususnya kepada pasukan Projek Khas Naib Canselor UiTM yang telah berjaya menjunjung ilham ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dengan baik sekali. Kerja-kerja penyelidikan, penghasilan motif-motif songket baharu yang unik untuk negeri Selangor dan seterusnya penerbitan buku ini amat membanggakan dan penuh bermakna.

Sebagai salah satu seni warisan agung alam Melayu, amat perlu sekali ilmu, kemahiran dan industri songket diperkasakan bagi memastikan kelestariannya, agar tidak ditenggelami arus pemodenan. Songket menjadi lambang kesantunan budaya Melayu dan Nusantara; pemakaian dan pengayaannya menjelaskan simbolik jati diri dan identiti bangsa yang diwarisi zaman-berzaman. Sebagai pakaian adat, ia juga lambang kekuatan pembesar dan raja-raja di negeri-negeri Melayu. Keseniannya yang indah semakin dihargai, dan diakui kemahiran yang tinggi diperlukan untuk menenun sehelai songket yang sempurna mutu buatannya.

Motif-motif dan corak rekaan pada sehelai songket adalah cerminan keindahan dan kekayaan persekitaran dan alam budaya di mana ia dihasilkan. Beberapa negeri di Malaysia sudah pun terkenal dengan motif-motif songket tradisi yang menjadi sinonim dengan kain-kain songket yang mereka hasilkan. Kini, saya bangga melihat motif-motif unik songket Selangor yang terhasil daripada kerja-kerja penyelidikan yang telah dijalankan. Penciptaan motif-motif yang mengambil ilham daripada flora dan fauna, keindahan alam semula jadi, artefak-artefak budaya dan seni bina sembilan daerah di negeri Selangor ini amat bererti sekali, lebih-lebih lagi apabila sudah termaktubnya hak intelek ke atas kesemua rekaan. Inilah titik bersejarah terhasilnya rekaan songket yang boleh dikenal sebagai Songket Diraja Selangor.

Lebih mensukacitakan buat saya adalah perancangan UiTM untuk menyuburkan industri menenun songket di Selangor dengan membawa motif-motif baharu ini untuk diajarkan dan ditenun oleh penduduk-penduduk Selangor daripada golongan berpendapatan rendah B40, dalam sebuah suasana makmal hidup atau *living lab*. Saya percaya fasa projek yang seterusnya ini juga akan berjaya dan dapat menjana satu industri yang unggul, serta yang lebih penting lagi, dapat menaikkan taraf hidup golongan berkenaan dengan adanya kemahiran dan sumber pendapatan yang baharu.

Sebagai penutup kata, sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas kejayaan projek penyelidikan dan penerbitan buku Songket Diraja Selangor ini. Semoga buku yang amat berharga ini akan menjadi antara bahan rujukan ilmiah tersohor tentang keunggulan seni songket Melayu zaman-berzaman, dan seterusnya mengangkat budaya kita agar terus gemilang di mata dunia.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.